



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MAHA 2026 PLATFORM PERKASA SEKTOR AGROMAKANAN, CIPTA NILAI BAHARU

SERDANG, 29 OGOS 2026 – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 yang berlangsung dari **28 Ogos hingga 6 September 2026 di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Serdang**, memberi penekanan kepada usaha memperkukuh sektor pertanian dan agromakanan negara melalui inovasi, teknologi, kelestarian serta peluang perniagaan dan pelaburan.

Dengan tema **“Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan”**, MAHA 2026 menjadi platform untuk mengetengahkan perkembangan sektor agromakanan negara di samping meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan keterjaminan makanan serta menggalakkan penyertaan generasi muda dalam sektor berkenaan.

Penganjuran MAHA 2026 menyasarkan **4 juta pengunjung, 2,000 pempamer, nilai memorandum persefahaman (MoU) sebanyak RM8 bilion dan nilai jualan RM58 juta** sepanjang 10 hari penganjuran serta penglibatan **800,000 belia** dalam pelbagai program.

Sambutan pada hari pertama turut menunjukkan perkembangan positif apabila seramai 140,543 pengunjung direkodkan, melibatkan 28,122 kenderaan. Jumlah ini mencerminkan minat dan sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai terhadap penganjuran MAHA 2026 yang menawarkan pelbagai pengisian berkaitan sektor pertanian dan agromakanan.

Antara fokus strategik yang diketengahkan ialah penggunaan teknologi Internet of Things (IoT), sistem pengairan pintar, ekosistem produk agromakanan, agropelancongan dan pertanian lestari, termasuk penerapan tanaman tahan iklim, amalan hijau dan varieti baharu.

Aspek kelestarian turut diberi penekanan melalui pameran dan pengisian berkaitan penggunaan tenaga elektrik secara cekap, pengurusan sisa buangan dan makanan, pengurangan penggunaan plastik sekali guna, pertanian regeneratif serta amalan kitar

semula. Pendekatan ini penting dalam memastikan sektor pertanian terus berdaya tahan dalam menghadapi cabaran perubahan iklim dan pada masa sama membuka peluang kepada produk pertanian yang dihasilkan melalui amalan terbaik dan lestari untuk memperluas pasaran domestik serta menembusi pasaran antarabangsa.

Dalam usaha memperkukuh keterjaminan makanan negara, MAHA 2026 turut menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kepentingan pengeluaran makanan domestik dan mengurangkan kebergantungan kepada import. Penglibatan masyarakat melalui pendekatan “**tanam apa yang dimakan, makan apa yang ditanam**” turut diketengahkan sebagai salah satu usaha meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara.

Kerajaan juga terus memperkukuh sektor perikanan dan ternakan melalui pelbagai inisiatif termasuk **pemodenan vesel, pembangunan industri akuakultur bernilai tinggi, pemodenan ladang, adaptasi teknologi dalam penyediaan makanan ternakan serta pengukuhan biosekuriti dan kawalan penyakit.**

MAHA 2026 turut memperkukuh hubungan dan kerjasama antarabangsa melalui penyertaan delegasi dari **14 negara**, iaitu Amerika Syarikat, Rusia, China, Jepun, Korea Selatan, Brazil, Kenya, Uzbekistan, Denmark, Hungary, Belanda, Sepanyol, Thailand dan Palestin.

Penyertaan antarabangsa ini membuka ruang kepada perkongsian teknologi dan inovasi serta pengukuhan jaringan kerjasama dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan. Beberapa persefahaman kerjasama antara negara turut dijangka dimuktamadkan sepanjang penganjuran MAHA 2026.

Dalam masa yang sama, MAHA 2026 menyediakan ruang yang lebih luas bagi **peluang pelaburan dan pemerkasaan syarikat pemula (start-up) agroteknologi.** Pentas **Scale-X di Hall A** memberi peluang kepada syarikat tempatan terpilih untuk membentangkan potensi perniagaan kepada panel pelabur, dengan peluang mendapatkan **suntikan modal sehingga RM5 juta** bagi syarikat yang berjaya.

Pendekatan ini diharap dapat membantu meningkatkan peluang pasaran dan eksport bagi pengusaha tempatan serta membuka ruang kepada syarikat baharu dalam bidang agroteknologi untuk mendapatkan sokongan dan pelaburan daripada pelabur tempatan dan antarabangsa.

Penganjuran MAHA 2026 juga memberi penekanan kepada penglibatan belia sebagai generasi pelapis sektor agromakanan negara. Platform ini memberi peluang kepada golongan muda untuk melihat perkembangan teknologi, inovasi dan peluang kerjaya serta keusahawanan dalam sektor agromakanan yang semakin berkembang.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kekal komited untuk memastikan sektor pertanian dan agromakanan negara terus bersedia menghadapi cabaran semasa, bukan sahaja bagi memenuhi keperluan makanan pada masa kini, malah memastikan bekalan makanan yang mencukupi dan terjamin untuk generasi akan datang.

Orang ramai dijemput hadir ke **MAHA 2026 di MAEPS, Serdang sehingga 6 September 2026** bagi meneroka perkembangan terkini sektor agromakanan negara serta menikmati pelbagai pengisian yang disediakan sepanjang penganjuran.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

